

# **KRITERIA MANUSIA YANG MENGUASAI DAN DIKUASAI BERDASARKAN AYAT-AYAT SEJARAH DALAM AL-QURAN: IKTIBAR DALAM MENGHADAPI CABARAN PENJAJAHAN BENTUK BAHARU**

Oleh: Mansor Bin Sulaiman (UMP)

## ***Abstrak***

Kajian ini cuba mengutarakan panduan yang dikemukakan al-Quran berkenaan ciri-ciri manusia yang menguasai dan dikuasai menerusi ayat-ayat berkaitan sejarah. Menerusi panduan ini, pengkaji akan mengutarakan iktibar bagi menghadapi cabaran penjajahan bentuk baharu yang sedang berlaku di dunia pada hari ini. Perkara ini selari dengan tujuan nas-nas berkaitan sejarah yang diceritakan dalam al-Quran sebagai panduan iktibar dan *ibrah* kepada manusia dalam mendepani cabaran yang mendatang. Sehubungan dengan itu, tulisan ini akan cuba mengumpulkan nas-nas yang berkenaan meliputi sejarah silam sebelum dan ketika zaman Nabi Muhammad. Gabungan dua zaman ini adalah disebabkan banyak *khitaab* berkenaan zaman silam ditujukan secara khusus kepada umat pada zaman penurunan wahyu. Seterusnya nas-nas ini akan dianalisis khusus bagi mendapat iktibar bagi menghadapi cabaran penjajahan bentuk baharu yang sedang berlangsung di dunia pada hari ini. Akhirnya, diharapkan tulisan ini dapat merungkai persoalan hilangnya daya penguasaan yang pernah berada di tangan umat Islam dan dalam masa yang sama dapat memberi panduan untuk menjadi umat yang menguasai dunia ini semula.

## **1.0.PENDAHULUAN**

Al-Quran merupakan kitab yang menjadi panduan manusia dalam menjalani kehidupan di alam dunia ini. Ia sebagai bekal daripada Allah kepada manusia bagi melaksanakan tugas khalifah yang diamanahkan kepada mereka. Antara kandungan panduan ini adalah menunjukkan kepada manusia faktor-faktor yang membawa mereka kepada kejayaan dan dalam masa yang sama mengelakkan daripada kejatuhan dan kehancuran. Penghayatan terhadap faktor-faktor kejayaan ini menjadikan manusia sebagai makhluk yang menepati ciri-ciri khalifah seterusnya diberikan kekuasaan di muka bumi, tetapi sebaliknya ia boleh menjadikan manusia sebagai makhluk yang lemah dan berpotensi untuk dikuasai oleh manusia lain. Justeru, kertas kerja ini akan cuba mengupas kriteria manusia yang menguasai dan dikuasai sepertimana disebutkan al-Quran, khususnya menerusi nas-nas berkaitan sejarah seterusnya menjadikannya sebagai panduan dalam menghadapi penjajahan bentuk baharu dalam dunia hari ini.

## **2.0.NAS-NAS BERKENAAN SEJARAH DALAM AL QURAN DAN PERSOALAN 'PENGUASAAN' DAN 'DIKUASAI'**

### **2.1.NAS-NAS BERKENAAN SEJARAH**

Al-Quran didatangkan Allah kepada manusia dengan pelbagai uslub, antara uslub tersebut adalah menerusi penjelasan-penjelasan kisah-kisah bersifat sejarah. Nas-nas berkenaan sejarah ini mencecah 900 ayat di dalam al Quran. (Ahmad Ilyas, t.th. :107) Secara umumnya, peristiwa-peristiwa sejarah yang terdapat dalam al Quran didatangkan untuk menyampaikan manusia kepada matlamat membawa manusia kepada petunjuk al Quran bagi menepati matlamat kejadian manusia di alam ini. Matlamat yang sama juga dibawa al Quran menerusi keseluruhan kandungan al Quran. (Ahmad Ilyas, t.th. :103) Dalam erti kata lain, al Quran mengemukakan kisah-kisah dan bukti-bukti yang berkaitan, bukan hanya untuk didengar semata-mata tetapi ia bertujuan untuk menggerakkan manusia ke arah landasan yang betul sepertimana yang digariskan Islam. Disebabkan itu, al Quran mengemukakan *manhaj* asas yang bersepadu dalam interaksi terhadap sejarah manusia dan memindahkan manusia daripada sekadar mengumpulkan dan mendedahkan bahan sejarah semata-mata kepada usaha memastikan manusia selamat seiring dengan sunnah yang ditentukan Allah terhadap masyarakat manusia sepanjang zaman (al-Khalil, 1991 : 8-9).

### **2.2.NAS-NAS SEJARAH BERKENAAN PENGUASAAN DAN DIKUASAI**

Secara umumnya kisah sejarah manusia dan tamadun silam yang dikemukakan al Quran sarat dengan penjelasan berkenaan mereka yang menguasai dan dikuasai. Persoalan menguasai dan dikuasai ini adalah merujuk kepada penguasaan satu golongan manusia terhadap golongan yang lain seperti dalam bentuk kuasa pemerintahan, kuasa penjajahan, kuasa penguasaan dan sebagainya. Antara nas-nas tersebut adalah berkenaan kisah-kisah para nabi dan rasul serta golongan beriman yang berusaha melaksanakan amanah Allah untuk menegakkan kalimah Allah di muka bumi. Begitu juga terdapat kisah-kisah berkenaan penentangan daripada golongan tertentu terhadap golongan yang cuba menegakkan kebenaran ini. Oleh kerana kisah-kisah al Quran banyak berkisar dalam persoalan ini maka para ulama telah memformulasikan sebagai suatu peraturan yang akan sentiasa berlaku di dunia ini. Peraturan ini dinamakan sebagai *sunnah al-tadafu'* iaitu sunnah pertembungan antara golongan benar dan golongan salah. Al Quran menjelaskan bahawa pertembungan ini telah berlaku sepanjang

zaman bermula sejak awal kejadian manusia iaitu menerusi kisah pertembungan antara Adam dan syaitan<sup>1</sup> seterusnya pertembungan antara para RasulNya dengan pendokong fahaman batil di kalangan umat mereka. Al Quran juga menjelaskan bahawa pertembungan ini akan berterusan selagi terdapat manusia yang mengikuti jejak langkah syaitan.<sup>2</sup> Nas-nas al Quran berkaitan pertembungan ini menunjukkan bahawa sepanjang zaman hanya ada dua golongan yang sentiasa bertembung iaitu umat yang benar (*Ummah al Hak*) dan umat yang batil (*Ummah al Batil*) (al-Sakmi, 1986: 169). Disebabkan itu, Allah menggesa umat Islam agar melakukan *islah* antaranya dengan melaksanakan tugas menyeru kepada kebenaran dan mencegah kemungkaran bagi memastikan kemungkaran tidak akan dapat menguasai mukabumi<sup>3</sup> dan dalam banyak ayat lain Allah menjanjikan kemenangan kepada mereka yang sanggup untuk menghadapi cabaran pertembungan ini<sup>4</sup>.

### 2.3.MENGUASAI MENURUT AL QURAN (CEDOKAN DARIPADA NAS-NAS BERKAITAN SEJARAH)

Penulis mendapati daripada nas-nas berkaitan *sunnah al tadafu'* di atas, terdapat banyak nas yang membicarakan tentang persoalan manusia yang menguasai atau diberikan keupayaan kekuatan penguasaan terhadap manusia lain. Antara lain, ia digambarkan dengan keadaan manusia seperti penggunaan perkataan *al Quwwah* dan *al syiddah* (kekuatan) menerusi ayat-ayat yang menjelaskan berkenaan tahap yang telah dicapai oleh umat-umat terdahulu dari sudut kemajuan, kemodenan, tamadun, urbanisasi dan pewarisan dunia. Contohnya ketika Allah menjelaskan berkenaan penduduk kota (*al Qura*<sup>5</sup>) silam yang pernah memiliki sebab-sebab kekuasaan dan faktor-faktor yang membawa kepada bermewah-mewahan dengan kehidupan dunia menerusi firmanNya:

وكأين<sup>6</sup> من قرية هي اشد قوة من قريتك التي اخرجتك اهلكناهم فلا ناصر لهم

<sup>1</sup> Rujuk al Quran, al A'raf: 27, al Baqarah: 38 dan al Baqarah: 36.

<sup>2</sup> Rujuk al Quran, al Baqarah: 257.

<sup>3</sup> Rujuk al Quran, Ali Imran: 110, Ali Imran: 104.

<sup>4</sup> Rujuk al Quran, al Mujadalah: 21 dan al Sof: 9.

<sup>5</sup> Kamus Mu'jam al-Asasi menterjemahkannya sebagai penempatan manusia yang lebih kecil daripada bandar (Mu'jam al-Asasi:983)

<sup>6</sup> Ayat ini ditujukan kepada Nabi Muhammad. Penggunaan *istifham* (وكأين) di awal ayat menunjukkan betapa banyak ahli kerajaan-kerajaan terdahulu yang lebih kuat Dāri sudut tubuh badan dan kemewahan daripada kerajaan di Makkah pada ketika itu telah dihancurkan Allah (\_\_\_ 1987:428)

Maksudnya:

“Dan betapa banyaknya negeri-negeri yang (penduduknya) **lebih kuat** dari (penduduk) negerimu (Muhammad) yang telah mengusirmu itu. Kami telah membinasakan mereka; maka tidak ada seorang penolong pun bagi mereka”

(al-Qurān; Muhammad: 13)

Antara ayat lain yang menggunakan perkataan *al-Quwwah* dan *al-Syiddah* ini boleh ditemui dalam penjelasan al-Qurān berkenaan kisah tamadun Saba<sup>7</sup> yang menggunakan perkataan ini menerusi kata-kata Balqis<sup>8</sup>, kisah Tamadun Ad<sup>9</sup> ketika mereka disifatkan oleh nabi mereka sebagai kuat dan mereka dituntut untuk memelihara kekuatan itu dengan istighfar dan istiqamah (Muhammad Haisyur, 1997: 70). Dalam beberapa ayat lain di dalam al-Qurān<sup>10</sup>, Allah telah menyeru umat-umat manusia agar mengambil *al Quwwah* dengan makna seperti di atas. Secara umumnya, kalimah *al-Quwwah*<sup>11</sup> dalam ayat-ayat di atas didatangkan dalam bentuk *nakirah* dan secara tidak langsung memberi makna yang *syumul* dan umum. Antara lain maksudnya ialah membuka ruang kepada pencapaian yang paling mungkin dapat dicapai oleh manusia dari sudut kekuatan *maknawi* dan kebendaan (Muhammad Haishur, 1997: 71).

Perkataan lain yang dilihat memberikan maksud manusia yang ‘menguasai’ ini boleh ditemui menerusi nas-nas berkaitan kisah dan penjelasan berkenaan tamadun-tamadun besar dunia pada masa silam yang telah berakhir dengan keruntuhan ataupun nas-nas yang ada perkaitan dengan persoalan tamadun itu sendiri. Antaranya perkataan *itharat al ard* (pewarisan bumi)<sup>12</sup>, *imarah* (menguasai dan memakmurkan dunia)<sup>13</sup>, *al-Tamkin* (ditetapkan kedudukan) dan *al istikhlaf*<sup>14</sup> (diberikan kuasa / khilafah). Berhubung perkataan ini, secara umumnya, perkataan *itharat al ard* disebutkan dalam al-Qurān antaranya ketika Allah menjelaskan janjinya

---

<sup>7</sup> Sūrah al- Naml, ayat 33

<sup>8</sup> Maknanya “golongan yang memiliki kekuatan dengan persenjataan dan memiliki keberanian yang tinggi dalam peperangan” (\_\_\_\_ 1987: 318)

<sup>9</sup> Sūrah Hud, ayat 52

<sup>10</sup> Antaranya dalam Sūrah al- A’raf, ayat 171

<sup>11</sup> Kalimah *al-quwwah* sepertimana maksud ini yang telah diulang sebanyak 18 kali dalam al-Qurān

<sup>12</sup> Terdapat 7 ayat dalam al-Qurān yang boleh dirujuk dalam persoalan sunnah ini berdasarkan lafaz pewarisan dunia yang terdapat dalam ayat tersebut.

<sup>13</sup> Terdapat 2 ayat dalam al-Qurān berkaitan persoalan *imarah* ini

<sup>14</sup> Terdapat 13 tempat dalam al-Qurān menyentuh berkaitan persoalan *istikhlaf* ini. Antaranya menggunakan perkataan *khilafah*, *khala’if* dan *khulafa’* (Muhammad Fuad al-Baqi, 1987: 239-240)

berkenaan pewarisan bumi kepada golongan soleh<sup>15</sup> dan janji pewarisan tamadun Firaun kepada Bani Israel<sup>16</sup>, begitu juga ketika Allah menjelaskan elemen-elemen penting bagi mendapatkan *itharat al ard* menerusi kata-kata Nabi Musa<sup>17</sup>. Manakala ayat berkaitan *imarah* antara lainnya disebutkan ketika Allah menjelaskan berkenaan tanggungjawab manusia untuk mengimarah dunia<sup>18</sup>. Perkataan *al istikhlaf* dalam al-Qurān pula kebanyakannya berkisar berkaitan pemberian atau janji penganugerahan *khilafah* kepada umat dan individu tertentu. Nas berkaitan pemberian *khilafah* antaranya adalah berkaitan penjelasan berkenaan anugerah khilafah kepada golongan beriman di kalangan kaum nabi Nuh<sup>19</sup>, kaum Ad yang diutuskan Hud kepada mereka dan generasi di kalangan kaum Nuh<sup>20</sup> dan kaum Thamud<sup>21</sup> selepas golongan yang pernah menerimanya sebelum itu dihancurkan. Berkenaan anugerah khilafah kepada individu pula, ayat-ayat berkaitan hanya menyentuh dua individu sahaja iaitu Adam<sup>22</sup> dan Daud<sup>23</sup>. Secara umumnya ayat-ayat ini juga menyentuh berkaitan syarat-syarat dan kelayakan penganugerahan khilafah itu sendiri sepertimana pendekatan yang sama dalam ayat-ayat yang menyentuh berkenaan janji khilafah yang ditawarkan Allah kepada manusia<sup>24</sup>.

Perkataan *al-Tamkin*<sup>25</sup> pula yang bermaksud mendapat tempat (melalui usahanya) dan memiliki kedudukan (اصبح ذا مكانة) didatangkan dalam al-Qurān dalam bentuk perkataan ini disandarkan kepada Allah, iaitu *al-fa'il* (pelaku) ialah Allah manakala *al-maf'ul bihi* (yang terkesan kepada pelakuan itu) adalah orang atau mereka yang ditetapkan kedudukannya oleh Allah. Berdasarkan kepada maknanya, ia menggambarkan tidak lahir tamadun melainkan dengan izin Allah (al-Khalidi, 1996: 319-323). Antara lain ayat yang menjelaskan penggunaan perkataan ini ialah ayat 127 hingga 130 daripada Surah al Syu'ara' yang menjelaskan berkenaan kehebatan tamadun Ad dan Thamud, Surah al An'am, ayat 6 pula menjelaskan berkenaan tamadun silam yang lebih hebat daripada tamadun yang dicapai pada zaman Nabi Muhammad tetapi mereka telah dihancurkan disebabkan dosa yang pernah mereka lakukan.

<sup>15</sup> Sūrah al-Anbiya', ayat 105-107

<sup>16</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 137

<sup>17</sup> Sūrah al-A'raf, ayat 128

<sup>18</sup> Sūrah Hud, ayat ke 61

<sup>19</sup> Sūrah Yunus, ayat 73

<sup>20</sup> Sūrah al-A'raf, ayat, 69

<sup>21</sup> Sūrah Hud, ayat, 58

<sup>22</sup> Sūrah al-Baqarah: 30-33

<sup>23</sup> Sūrah Sood: 26

<sup>24</sup> Antaranya dalam Sūrah al- Nur, 55, Sūrah Yunus, 13-14.

<sup>25</sup> Perkataan *al tamkin* atau *makkanna* diambil Dāripada perkataan *al makan* dan *al makanah* datang sebanyak 13 kali dalam al-Qurān, antaranya seperti berikut: *wa yumakkin numakkin makkanni makkannahum makkanakum makkanna*.

Perkataan *al tamkin* ini juga digunakan dalam menggambarkan pencapaian yang diberikan kepada individu yang hebat dalam sesebuah tamadun antaranya berkenaan Zulkarnain dalam al Kahfi dan Nabi Yusuf dalam Surah Yusuf ayat 21 hingga 22, 51 dan 54 hingga 57 (Muhammad Haishur, 1997: 292-293).

Daripada perkataan-perkataan berkaitan manusia yang berkeupayaan ‘menguasai’ yang dikemukakan al-Qurān di atas, dapat disimpulkan bahawa al-Qurān menjelaskan penguasaan sebagai suatu tahap pencapaian yang dicapai oleh sesuatu umat meliputi aspek kemajuan, kemodenan, urbanisasi dan penguasaan dunia. Ia merupakan suatu anugerah daripada Allah kepada mereka yang berusaha mencapainya menerusi pelaksanaan sebab-sebab yang disediakan Allah kepada mereka. Dalam masa yang sama juga Allah menjelaskan kriteria manusia yang selayaknya diberikan anugerah ini. Oleh kerana itu, umat yang telah mencapai peringkat pencapaian ini sekiranya berpaling atau menyeleweng daripada landasan yang telah digariskan Allah maka mereka akan menghadapi kehancuran sepertimana telah dilalui oleh banyak umat dan tamadun silam.

#### **2.4. DIKUASAI MENURUT AL QURAN**

Walaupun al-Qurān menyentuh banyak persoalan kehebatan dan kekuasaan sama ada dalam bentuk kisah, motivasi atau pun janji kepada mereka yang cuba menghayati kriteria yang diberi anugerah kekuasaan, tetapi dalam masa yang sama Allah turut mengaitkannya dengan persoalan tentang kelemahan dan kehancuran beserta kriteria-kriteria tertentu. Sebagai contohnya dalam nas-nas yang menggunakan lafaz-lafaz dan tema-tema berkenaan mereka yang menguasai seperti di atas, antara lainnya didatangkannya dengan kisah golongan yang pernah diberikan kekuasaan tetapi kemudiannya kekuasaannya ditarik dan seterusnya dihancurkan. Golongan-golongan yang dihancurkan ini turut disebutkan pencapaian penguasaan mereka dari sudut kebendaan antaranya seperti kehebatan kaum Ad<sup>26</sup>, Thamud<sup>27</sup> dan Firaun<sup>28</sup>. Dalam hal ini, apa yang ditunjukkan al-Qurān adalah bahawa kekuasaan sebenar

---

<sup>26</sup> Sūrah al-Syu'ara', ayat 123 hingga 140

<sup>27</sup> Sūrah al-Syu'ara', ayat 142 hingga 152

<sup>28</sup> Sūrah al-Dukhan, ayat, 26 hingga 29, penjelasan ketiga-tiga tamadun disebutkan dalam Sūrah al- Fajr, ayat 6 hingga 14.

bukanlah kekuasaan yang sekadar menekankan aspek kebendaan semata-mata sepertimana dijelaskan Allah menerusi firmanNya:

افلم يسيروا في الارض فينظروا كيف كان عاقبة الذين من قبلهم كانوا اكثر منهم واشد قوة واثارا في الارض

فما اغنى عنهم ما كانوا يكسبون

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tiada mengadakan perjalanan di muka bumi lalu memperhatikan betapa kesudahan orang-orang yang sebelum mereka. Adalah orang-orang yang sebelum mereka itu lebih hebat kekuatannya dan (lebih banyak) bekas-bekas mereka di muka bumi, maka apa yang mereka usahakan itu tidak dapat menolong mereka”

(al-Qurān; Ghafir: 82)

Menurut Said Qutb, ayat ini menjelaskan bahawa pengalaman sejarah menunjukkan bahawa faktor-faktor kebendaan secara adatnya adalah merupakan perkara yang membawa manusia tertipu dan terpedaya dengan kebatilan dan menjadi sebab kepada kecelakaan kepada banyak umat zaman silam. Ia secara tidak langsung memperbetulkan pandangan sesetengah orang yang melihat bahawa kehebatan kebendaan semata-mata merupakan sebab kepada pembangunan (Said Qutb, 1992, jil 5: 3101). Perkara ini juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa persoalan dikuasai yang dikemukakan al-Quran adalah antara lainnya dikuasai dengan pemikiran kebendaan atau pun nafsu sehingga membawa kepada kehancuran dalam bentuk yang pelbagai.

Dalam ayat yang lain, Allah secara jelas memberi amaran kepada manusia yang telah diberikan kekuasaan agar mempertahankan kekuasaan mereka dengan menghayati apa-apa yang disarankan Allah dalam menjalani kehidupan ini. Ia dapat dilihat antaranya Allah memberi amaran kepada mereka yang tidak menghayati arahanNya dengan amaran akan digantikan dengan kaum lain yang bukan di kalangan mereka dan seterusnya kaum tersebut akan menguasai mereka. Antaranya, firman Allah:

وكم قصمنا من قرية كانت ظالمة وأنشأنا بعدها قوما آخرين

Maksudnya:

“Dan berapa banyaknya (penduduk) negeri yang zalim yang telah kami binasakan, dan Kami adakan sesudah mereka itu kaum yang lain (sebagai penggantinya)”

Secara umum, persoalan dikuasai dalam al-Quran bukan semata-mata dengan maksud dikuasai manusia, tetapi juga meliputi dikuasai oleh nafsu terhadap kebendaan, kekuasaan, pemikiran, pegangan yang tidak betul dan sebagainya. Kesemua faktor ini akhirnya membawa kepada dikuasai oleh golongan lain atau pun kehancuran dengan cara yang pelbagai. Oleh kerana banyak nas yang berkisar tentang persoalan ini maka para ulama juga telah memformulasikan sebagai suatu peraturan yang ditentukan Allah iaitu dengan istilah *sunnah al-Iqab* (sunnah kehancuran).

### **3.0.KRITERIA MANUSIA YANG MENGUASAI DAN DIKUASAI BERDASARKAN NAS-NAS BERKENAAN**

Nas-nas yang berkaitan mereka yang menguasai seperti telah dibincangkan di atas, selain daripada menerangkan tentang dua persoalan ini iaitu mereka yang ‘menguasai’ dan ‘dikuasai’, dalam masa yang sama ia turut mengemukakan kriteria-kriteria manusia yang berkenaan. Kesemua ini menunjukkan bagaimana al-Qurān mengemukakan persoalan dan kisah-kisah sejarah berkaitan manusia yang diberikan anugerah penguasaan atau dikuasai ini dalam bentuk maklumat yang boleh diformulasikan sebagai panduan dalam berinteraksi dengan kuasa. Sehubungan dengan itu, bagi mengeluarkan kriteria tersebut, penulis akan menganalisis beberapa nas mengikut tema yang berkaitan seperti berikut:

#### **3.1.NAS BERKENAAN PEWARISAN DUNIA (WARATHAT AL-ARD)**

Terdapat banyak nas berkenaan persoalan pewarisan dunia kepada golongan yang sepatutnya sehinggakan sesetengah pengkaji menyimpulkan ia sebagai salah satu sunnah Allah dengan istilah ‘*sunnah warathat al ard*’<sup>29</sup>. Antara nas berkaitan persoalan ini ialah firman Allah:

ولقد كتبنا في الزبور من بعد الذكر ان الأرض يرثها عبادي الصالحون

<sup>29</sup> Antaranya disebutkan dalam ayat 13 dan 14, Sūrah Ibrahim.



Maksudnya:

“Dan sungguh telah Kami tulis di dalam Zabur sesudah (Kami tulis dalam) Lauh Mahfuz, bahawasanya bumi ini dipusakai hamba-hambaKu yang soleh.”

(al-Qurān; al-Anbiya’: 105)

Ibnu Abbas menyatakan bahawa nas di atas bermaksud bahawa Allah telah menyatakan di dalam Taurat dan Zabur bahawa dunia yang dikuasai oleh golongan kafir akan diwarisi dan seterusnya dikuasai oleh golongan beriman menerusi pembukaan (kerajaan) demi pembukaan (al-Qurtubi, 1987, jil. 11: 349). Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan ketentuan Allah yang pasti iaitu penganugerahan kesenangan di dunia dan akhirat kepada hambaNya yang soleh. Maksud yang sama seperti nas di atas boleh ditemui dalam banyak ayat lain dalam al-Qurān antaranya seperti firman Allah dalam surah al-Nur, ayat 55, surah al-A’raf, ayat 128 dan surah Ghafir, ayat 51 (Ibnu Kathir, 1991, jil. 3: 222).

Berhubung ‘hamba Allah yang soleh’ (عبادي الصالحون) ini, kebanyakan para ulama mentafsirkannya sebagai golongan beriman dan beramal soleh dalam pengertiannya yang luas. Antaranya Said Qutb menyatakan bahawa ayat ini menerangkan sunnah pewarisan dunia yang ditentukan Allah iaitu pewarisan sebenar hanyalah untuk golongan soleh yang bercirikan iman dan amal soleh. Seterusnya beliau menyatakan bahawa walaupun kadangkala dunia dikuasai oleh golongan-golongan zalim dan penjahat, ia hanya merupakan cabaran-cabaran sebelum berlaku pewarisan yang sebenar (Said Qutb, 1992, jil. 4: 2400). Mūhammad Haisyūr pula menyatakan bahawa nas di atas menunjukkan sunnah Allah yang menentukan bahawa dunia akan diwarisi oleh golongan beriman dan beramal soleh dengan syarat mereka menepati *sunnah al-Islah* iaitu melakukan keadilan dan *istiqamah* serta menghayati akhlak sabar. Sunnah ini berlaku apabila golongan yang memiliki kekuasaan di dunia hancur setelah kehilangan kelayakan sebagai peneraju tamadun dunia dan seterusnya digantikan dengan umat yang menepati ciri-ciri yang disebutkan di atas. Berhubung perkara ini, al-Qurān telah memberikan contoh berkenaan pewarisan tamadun ini menerusi kisah pewarisan tamadun Firaun kepada bani Israel yang mengikuti ajaran Nabi Musa dalam beberapa ayat dalam al-Qurān. Antaranya firman Allah:

واورثنا القوم الذين استضعفون مشارق الأرض ومغاربها التي باركنا فيها وتمت كلمة ربك على بني اسرائيل بما صبروا  
ودمرنا ما كان يصنع فرعون وقومه وما كانوا يعرشون

Maksudnya:

“Dan Kami pusakakan kepada kaum yang telah ditindas itu, negeri-negeri bahagian timur bumi dan bahagian baratnya yang telah kami beri berkah padanya. Dan telah sempurnalah perkataan Tuhanmu yang baik (sebagai janji) untuk Bani Israel disebabkan kesabaran mereka. Dan Kami hancurkan apa yang telah dibuat Firaun dan kaumnya dan apa yang telah dibangun mereka.”

(al-Qurān; al A'raf: 137)

Nas di atas menunjukkan berkenaan keadaan Bani Israel yang merupakan golongan tertindas dan lemah pada peringkat awalnya sebelum diberikan anugerah pewarisan ini. Walaupun begitu, Al Qurtubī menyatakan bahawa ayat di atas menunjukkan Bani Israel mewarisi tamadun Firaun bukan disebabkan mereka sebagai golongan lemah dan telah lama berada dalam penindasan Firaun, tetapi adalah disebabkan kesabaran mereka (al-Qurtubi, 1987: Jil. 7: 272). Iaitu kesabaran dalam menghadapi tekanan daripada kejahatan pemerintah serta kesabaran dalam mentaati ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Musa. Ia menunjukkan bahawa walaupun secara zahir dilihat sebagai kaum yang lemah, tetapi mereka mempunyai ciri-ciri kekuatan yang melayakkan untuk mengambil alih penguasaan tamadun pada ketika itu. Ciri kekuatan mereka menurut Said Qutb (1992, jil. 3: 1360) adalah kemampuan bersabar itu sendiri yang hanya mampu dipikul oleh orang yang kuat. Manakala di pihak Firaun pula, mereka telah hilang kelayakan untuk meneruskan penguasaan dunia walaupun pada ketika itu telah mencapai tahap tamadun kebendaan yang hebat. Ini adalah disebabkan kerajaan dan masyarakat mereka pada ketika itu telah dikuasai ciri-ciri manusia yang rosak seperti kezaliman, syirik, melampaui batasan dan sebagainya sehingga berkeleyakan untuk menghadapi *sunnah al-'Iqab* (kehancuran) daripada Allah (\_\_\_,1987: 418).

Selain daripada itu, al-Qurān juga menunjukkan di sebalik sunnah ini bagaimana Musa yang diutuskan kepada Bani Israel telah terlebih dahulu membimbing Bani Israel ke arah ciri-ciri manusia yang mampu untuk keluar daripada cengkaman pemerintah yang zalim dan

seterusnya keluar sebagai umat yang merdeka dan mampu berdikari. Ia menunjukkan bahawa untuk menjadi umat yang mampu menguasai tidak cukup hanya sekadar dengan iman dalam lingkungan akal sahaja tetapi ia perlu lebih daripada itu, iaitu dengan menghayati dan melakukan amalan-amalan dan akhlak yang dituntut oleh iman itu sendiri<sup>30</sup>.

### 3.2.NAS-NAS BERKENAAN *AL-ISTIKHLAF* DAN *AL-TAMKIN*

Allah telah menjanjikan kekuasaan dalam bentuk *khilafah* dan *al tamkin* yang menjamin keamanan manusia akan diberikan kepada mereka yang berhak dalam banyak tempat dalam al-Qurān (Zaidan, 1994: 178). Antaranya disebutkan dalam firman Allah:

وعد الله الذين آمنوا منكم وعملوا الصالحات ليستخلفنهم في الأرض كما استخلف الذين من قبلهم وليمكنن لهم دينهم الذي ارتضى لهم وليبدلنهم من بعد خوفهم أمنا يعبدونني ولا يشركون بي شيئا ومن كفر بعد ذلك فأولئك هم الفاسقون

Maksudnya:

“Dan Allah telah berjanji kepada orang-orang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhainya untuk mereka, dan dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembahKu dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik.”

(al-Qurān; al Nur: 55)

Ibnu Kathir menyatakan bahawa ayat ini menjelaskan bahawa Allah telah berjanji kepada RasulNya akan menjadikan umatNya sebagai khalifah di bumi iaitu sebagai pemimpin dan penguasa di kalangan manusia. Menerusi mereka akan berlaku kebaikan kepada negara dan manusia tidak bermasalah untuk memberi ketaatan kepada mereka (Ibnu Kathir, 1991, jil. 3: 300). Said Qutb (1992, jil. 4: 2529) pula menyatakan bahawa *istikhlaf* yang dijanjikan dalam ayat ini kepada golongan berkenaan adalah berkaitan kekuasaan(*al-mulk*), kekuatan (*al-qahr*),

<sup>30</sup> Rujuk al-Qurān, Sūrah al- A'raf, ayat 128.

keupayaan untuk menang atas orang lain (*al ghalabah*) dan keupayaan menentukan hukum (*al hukm*) yang digunakan atas dasar *islah* (melakukan pembaikan), *imarah* dan membina serta menepati *manhaj* Allah. Kelangsungan gaya *istikhlaf* seperti ini membawa kepada peringkat ditetapkan kedudukan di muka bumi (*al tamkin*). Adapun golongan yang berkuasa lalu melakukan kerosakan dan kezaliman serta melampaui batasan, tidak dikira sebagai golongan yang diberikan *istikhlaf* seperti tersebut di atas. Mereka hanyalah golongan yang diuji dengan kekuasaan atau mereka sebagai ujian kepada manusia lain menerusi kejahatan dan kezaliman yang dilakukan. Beliau seterusnya menyatakan bentuk kekuasaan yang sepatutnya dilakukan oleh manusia sepertimana yang dikemukakan oleh konsep *istikhlaf* ini adalah seperti yang dijelaskan oleh nas ini iaitu dengan melakukan *imarah* dan *islah*, bukan meruntuh dan merosakkan, memastikan keadilan tertegak bukan kezaliman, meninggikan jiwa manusia dan sistem kemanusiaan dan bukan merendahkan kedudukan manusia sehingga peringkat seperti haiwan.

Penjelasan maksud *istikhlaf* dan *al tamkin* seperti di atas secara tidak langsung merupakan penjelasan kepada maksud iman dan amal soleh yang merupakan ciri-ciri utama golongan yang dijanjikan *al istikhlaf* dan *al tamkin*. Perkara ini disebutkan oleh beberapa *mufasssir* seperti al Razi (1990, jil. 24: 21-24) dan Said Qutb (1992, jil. 4: 2529) yang menyatakan bahawa nas di atas selain menerangkan tentang konsep *istikhlaf* dan *al tamkin*, ia juga menunjukkan ciri-ciri mereka yang diberikan anugerah *istikhlaf* ini iaitu mereka yang terhimpun pada diri mereka ciri-ciri iman dan amal soleh. Ciri-ciri khusus mereka yang beriman dan beramal soleh dalam mengendalikan amanah kekuasaan ini sepertimana difahami daripada nas di atas juga telah disentuh oleh ramai sarjana, antaranya, Dr. Abdul Karim Zaidan (1994: 180) menyatakan antara ciri-cirinya ialah berhukum dengan hukum-hukum Islam dalam keseluruhan lapangan kehidupan dan beramal soleh sepertimana yang telah ditetapkan oleh syarak. Ibnu Kathir (1991, jil. 3: 302) pula mengemukakan ciri-ciri tersebut melalui ciri-ciri yang telah dipraktik dan dibuktikan kebenarannya oleh generasi terdahulu dengan menjadikan sahabat Nabi sebagai rujukan.

Sebagai penjelasan terhadap ciri iman dan amal soleh di atas, nas tersebut juga menjelaskan syarat-syarat yang perlu dipelihara oleh mereka yang menjalankan tugas-tugas *khilafah* ini iaitu keperluan memastikan agama sebagai asas dalam mentadbir kehidupan serta memelihara

hubungan yang baik dengan Allah (*ubudiyah*) sepertimana difahami menerusi firman Allah dalam nas yang sama iaitu (Said Qutb, 1992, jil. 4: 2529-2530):

يعبدونني لا يشركون بي شيئا<sup>31</sup>

Maksudnya:

“Mereka tetap menyembahku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku”

Selain daripada nas ini, nas-nas lain yang menyentuh berkenaan persoalan *khilafah* secara umumnya memberikan petunjuk yang sama berkenaan persoalan kekuasaan dan bentuk interaksi manusia dengan kekuasaan dalam erti kata yang sepatutnya. Perkara ini boleh dilihat menerusi rumusan Dr. Imaduddin Khalil yang menyatakan bahawa ayat-ayat al-Qurān berkenaan *istikhlaf*<sup>32</sup> menunjukkan bahawa persoalan *khilafah* terikat dengan dua perkara iaitu pertama, persoalan amalan-amalan manusia meliputi aspek inovasi dan sejauh mana mereka menjauhi kerosakan di mukabumi. Kedua, persoalan bagaimana manusia mengambil nilai-nilai, mendapatkan pelajaran dan menerima pakai syariat daripada Allah serta beriltizam dengannya, khususnya dalam usaha membangunkan alam. Seterusnya beliau menyatakan bahawa kedua-dua perkara ini perlu digabungkan dalam usaha membangunkan dunia. Sebarang kecuaiian terhadap salah satu atau kedua-duanya akan memberi implikasi kehancuran dan kerugian di dunia dan akhirat (al-Khalil, 1984: 39).

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, ia menunjukkan bahawa setiap kali umat manusia menjalani kehidupan menepati ciri-ciri yang telah digariskan Allah seperti tersebut di atas maka mereka akan mendapati janji Allah iaitu anugerah *istikhlaf*, *tamkin* dan keamanan. Tetapi jika sebaliknya, maka mereka akan terdedah kepada kehinaan, rasa takut, dikuasai musuh dan sebagainya. Perkara di atas juga menjelaskan bahawa proses mencapai anugerah keupayaan menguasai ini adalah selari dengan proses pengukuhan ciri-ciri keperibadian manusia sepertimana dijelaskan di atas. Apabila manusia mencapai ciri-ciri yang berkenaan maka mereka akan layak untuk mendapat anugerah tersebut. Tetapi jika mereka

<sup>31</sup> Ayat yang terkemudian daripada ayat ini menunjukkan keperluan yang besar terhadap syarat ini dengan mengemukakan persediaan yang perlu dilakukan dalam bentuk perhubungan yang kuat dengan Allah iaitu: واقفيموا الصلاة واتوا الزكاة وأطيعوا الرسول لعلكم ترحمون

<sup>32</sup> Antara ayat-ayat al-Qurān berkenaan *istikhlaf* ialah ayat 62, Sūrah al- Naml, ayat 55, Sūrah al- Nur, ayat 39, Sūrah Fathir, ayat 165, Sūrah al- An’am, ayat 69 dan 129, Sūrah al- A’raf dan ayat 14, Sūrah Yunus.

mencuaikannya selepas mencapai kelayakan tersebut, anugerah itu akan ditarik kembali kerana ia hanya untuk manusia yang layak dan mempertahankan kelayakannya.

### **3.3.NAS BERKENAAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG DIBERIKAN KEKUASAAN**

Terdapat banyak nama individu yang pernah diberikan kekuasaan di bumi ini disebutkan al-Quran, antaranya seperti Nabi Muhammad, Nabi Sulaiman, Nabi Adam, Zulkarnain dan sebagainya. Walaupun begitu, dalam tulisan ini penulis hanya akan menyentuh berkenaan Nabi Adam dan Zulkarnain sahaja.

#### **i. Nabi Adam**

Beliau merupakan manusia pertama yang dicipta Allah dan diberikan amanah khalifah sepertimana yang telah disebutkan Allah firmanNya:

واذ قال ربك للملائكة اني جاعل في الارض خليفة

Maksudnya;

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”

(al-Quran; al-Baqarah: 30)

Tugas sebagai khalifah di mukabumi ini merupakan suatu tugas yang mencabar. Oleh kerana itu, Allah telah menganugerahkan kelebihan tertentu kepada Adam dalam bentuk ilmu berkenaan nama-nama setiap sesuatu bagi melengkapkan tugas beliau sebagai khalifah. Perkara ini dijelaskan Allah dalam firmannya:

وعلم ادم الاسماء كلها ثم عرضهم على الملائكة فقال أنبئوني بأسماء هنولاء ان كنتم صادقين

Maksudnya:

”Dan Allah mengajar Adam sekalian nama-nama barang, kemudian dibawa barang-barang itu kepada malaikat, lalu Allah berfirman: Khabarkanlah kepadaKu nama-nama barang ini, jika kamu yang benar”

(al Quran; al Baqarah: 31-32)

Sesetengah tafsiran menjelaskan ia sebagai asas-asas ilmu yang diberikan Allah s.w.t. kepada Adam a.s. yang meninggikan kedudukannya daripada makhluk-makhluk selain manusia serta melayakkannya menjadi khalifah di mukabumi. Anugerah asas-asas ilmu yang disebutkan dalam ayat itu ialah asas-asas ilmu berkaitan dengan kejadian alam (*al kaun*) atau pun *sunnah al-kauniyah* yang perlu diamati oleh akal melalui kajian mendalam sehingga menjadi ilmu yang bersifat sebagai panduan hidup manusia (al-Ghazali, 1981: 18). Penganugerahan ini bukanlah semata-mata sebagai bekalan kepada Adam a.s. serta manusia seluruhnya untuk menjalankan tugas sebagai pentadbir (khalifah) yang baik di dunia tetapi lebih daripada itu, ia sebagai pembuka jalan kepada manusia untuk mengetahui dan meyakini kebesaran pemilik ilmu tersebut seterusnya memberikan ketundukan, kepatuhan kepadaNya sepertimana yang telah disebutkan dalam firman Allah s.w.t:

الله الذي خلق سبع سموات ومن الأرض مثلهن ينزل الأمر بينهن لتعلموا أن الله على كل شيء قدير وأن الله قد أحاط بكل شيء علما

Maksudnya:

”Allah yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi seumpamanya. Perintah Allah turun antara semuanya, supaya kamu ketahui bahawa sesungguhnya Allah maha kuasa atas setiap sesuatu, dan sesungguhnya ilmu Allah meliputi segala sesuatu.”

(al Quran; al Thaalaaq: 12)

Selain daripada itu, pengetahuan tentang ilmu ini bukan sekadar memberikan keupayaan kepada manusia untuk mentadbir segala kejadian di alam. Ia sebenarnya lebih daripada itu, iaitu membuka ruang kepada memperluaskan kemampuan manusia dalam mengeksploitasi *al kaun* mengikut sunnah yang sepatutnya. Berhubung perkara ini, Dr. Ahmad Kan'an (1990: 19) menyatakan bahawa adalah sukar bagi manusia untuk menjalankan tugas sebagai khalifah sekiranya mereka jahil tentang sunnah ini.

## ii. Zulkarnain

Antara nama lain yang disebutkan al Quran sebagai penguasa yang hebat adalah Zulkarnain. Berhubung kisah beliau, al Quran menyebutkan bahawa antara faktor kejayaan Zulkarnain mencapai kemenangan demi kemenangan dalam kisah-kisah yang disebutkan dalam al Quran

adalah melalui penguasaan ilmu berkenaan sebab-sebab (*ilmu bi al asbab*) yang telah dianugerahkan oleh Allah kepadanya seperti diterangkan dalam Surah al Kahfi<sup>33</sup>. Menerusi kisah beliau juga al Quran menunjukkan bahawa ketiadaan ilmu boleh menyebabkan manusia menjadi lemah dan tidak berkeupayaan untuk melaksanakan amal yang diperlukan serta terpaksa bergantung kepada golongan yang berilmu. Perkara ini dapat dilihat melalui kisah pertemuan antara Zulkarnain dengan satu kaum yang lemah disebabkan keketatan ilmu mereka berkenaan teknologi pembinaan kubu pertahanan sehingga menyebabkan mereka sentiasa mendapat kesusahan daripada kezaliman pihak lain yang berada di sekitar mereka. Al Quran menjelaskan kaum yang lemah ini telah meminta bantuan daripada Zulkarnain untuk membina kubu bagi menghalang serangan musuh mereka (Dr. Ahmad Kan'an, 1990: 18-19). Firman Allah:

حتى اذا بلغ بين السدين وجد من دونهما قوما لا يكادون يفقهون قولا . قالوا يا ذا القرنين ان يا جوج ومأجوج مفسدون في الأرض فهل نجعل لك خرجا على أن تجعل بيننا وبينهم سدا

Maksudnya:

”Sehingga apabila ia sampai di antara dua buah gunung (Armenia dengan Azerbaijan) didapati dekat keduanya satu kaum, hampir mereka tiada mengerti perkataan. Mereka berkata: Hai Zulkarnain, sesungguhnya Yakjuj dan Makjuj membuat bencana di mukabumi, sebab itu mahukah engkau kami beri upah, supaya engkau perbuat dinding antara kami dan mereka. Berkata Zulkarnain: Apa-apa kekuasaan yang diberikan Tuhan kepadaku lebih baik (daripada upah itu), sebab itu tolonglah aku dengan kekuatan (orang-orang yang perkasa) supaya aku perbuat dinding yang kukuh antara kamu dengan mereka.”

(al Quran; al Kahfi: 93-95)

#### **4.0.RUMUSAN KRITERIA MANUSIA YANG MENGUASAI DAN DIKUASAI**

Penjelasan di atas secara umumnya menunjukkan terdapat banyak kriteria atau akhlak manusia yang berkeupayaan untuk menguasai menurut al-Qurān. Dalam masa yang sama nas-nas tersebut turut menjelaskan kriteria golongan yang dikuasai. Oleh kerana itu, penulis akan mengeluarkan kriteria golongan yang menguasai terlebih dahulu. Antara kriteria tersebut

<sup>33</sup> Rujuk al Quran, Surah al Kahfi: 83-97.



adalah taat kepada perintah Allah dan cabang-cabangnya seperti amanah, ikhlas, tawakkal dan sebagainya, sabar serta cabang-cabangnya seperti tabah, *thabat* dan sebagainya, *islah* serta cabang-cabangnya seperti melaksanakan keadilan, menegakkan hukum-hukum Allah dan sebagainya, kekuatan serta cabang-cabangnya seperti kekuatan menghadapi kejahatan, kekuatan membangunkan jiwa manusia, dakwah serta cabang-cabangnya dan sebagainya. Di samping itu, oleh kerana banyaknya kriteria dan akhlak yang boleh dipetik daripada nas-nas yang berkenaan maka pengkaji menyaringnya kepada 4 kriteria utama. Iaitu, pertama, keupayaan menghadapi cabaran sebagai mewakili kriteria yang berkaitan kekuatan menghadapi kesukaran dan cabaran seperti sabar, tabah dan sebagainya. Kedua, keupayaan melakukan usaha yang bersungguh-sungguh dan berimpak tinggi untuk mencapai kejayaan sebagai mewakili kriteria kekuatan menegakkan keadilan, melakukan *islah* dan sebagainya. Ketiga, keupayaan menegakkan hukum Allah dan membanteras kemungkaran sebagai mewakili kriteria amanah, tawakkal, jihad dan sebagainya. Manakala keempat adalah kriteria berilmu dan menguasai ilmu tersebut.

Walaupun yang demikian, kesemua kriteria yang dijelaskan di atas secara umumnya bertitik-tolak daripada asas yang satu iaitu iman dan amal soleh atau dalam istilah lain yang memberikan maksud yang sama iaitu hamba Allah yang soleh (العباد الصالح)<sup>34</sup>. Oleh itu, boleh disimpulkan di sini bahawa kriteria utama mereka yang berkeupayaan untuk menguasai dengan sebenarnya adalah manusia yang beriman dan beramal soleh atau kriteria sebagai hamba Allah yang soleh. Manakala kriteria khusus yang boleh dilihat pula adalah merujuk kepada 4 kriteria yang disebutkan di atas. Mana-mana mereka yang dilihat menguasai manusia atau dunia pada hari ini tetapi tidak menepati kriteria ini hanyalah sebagai penguasa yang sedang terdedah kepada dikuasai perkara-perkara yang tidak sepatutnya seperti nafsu, kejahatan dan sebagainya seterusnya menuju kepada kehancuran. Walaupun begitu, penguasaan dunia oleh mereka seperti ini tidaklah merupakan suatu yang pelik atau ganjil disebabkan sejarah dalam al-Quran sarat dengan golongan penguasa seperti ini. Sebagai contohnya tamadun Ad dan Thamud yang dibangunkan bukan berasaskan iman dan amal

---

<sup>34</sup> Hamba Allah yang soleh ini disebutkan dalam banyak tempat di dalam al-Qurān, antaranya disebutkan dalam bentuk *al ism* (kata nama) seperti (عبادي الصالحون) hamba yang soleh, (القوم الصالحين) kaum yang soleh dan (الصالحين) golongan yang soleh. Ia juga disebutkan dalam bentuk *al fi'l* (kata perbuatan) seperti (عمل صالحا, عملوا) beramal soleh. Secara umumnya kesemua perkataan berkaitan dengannya merujuk kepada golongan yang dijanjikan kejayaan atau golongan yang digambarkan sebagai golongan yang berjaya oleh Allah dan dalam sebahagian tempat dikaitkan dengan golongan yang dijanjikan pewarisan tamadun dunia serta gelaran kepada golongan pembina tamadun yang disebutkan dalam al-Qurān di kalangan para rasul dan pengikut mereka.

soleh berakhir dengan kehancuran. Dalam hal ini, usaha mereka yang sesetengahnya seolah-olah menepati ciri-ciri amal soleh seperti bersungguh-sungguh, tabah, tekun dan sebagainya telah membawa mereka kepada pencapaian tamadun kebendaan sepertimana yang dikemukakan al Quran. Walaupun begitu, oleh kerana amal tersebut terpisah daripada asas yang sepatutnya, akhirnya kerajaan ini dikuasai dengan sindrom melakukan kerosakan serta menentang kebenaran. Firman Allah:

اتبنون بكل ريع آية تعبثون وتتخذون مصانع لعلكم تخلدون وإذا بطشتم بطشتم جبارين

Maksudnya:

“Adakah kamu mendirikan pada tiap-tiap tanah tinggi bangunan untuk bermain-main. Dan kamu membuat benteng-benteng dengan maksud supaya kamu kekal (di dunia)? Dan apabila kamu menyiksa, maka kamu menyiksa sebagai orang-orang kejam dan bengis.”

(al Quran; al Syu'ara': 128-130)

Muhammad Haishur (1997: 290) menyatakan nas di atas menunjukkan bahawa Allah tidak mempersoalkan apa yang kaum Ad capai dalam pembangunan kebendaan tetapi yang dipersoalkan adalah matlamat dan tujuan pembangunan tersebut. Berhubung perkara ini, al-Sallabi (2005: 172) menyatakan masyarakat tanpa iman yang kuat merupakan masyarakat yang liar, dalam kegelapan dan kecelakaan walaupun pada zahirnya mereka berada pada peringkat ketinggian dalam pencapaian tamadun kebendaan dengan menikmati teknologi yang tinggi dan peralatan yang mewah<sup>35</sup>. Ia hanya merupakan masyarakat yang menjamin pengekalan golongan yang kuat dan bukan golongan yang terbaik dan paling bertaqwa. Ia merupakan masyarakat yang hakikatnya teruk walaupun mereka dihiaskan dengan pelbagai perkara yang berbentuk kehebatan keduniaan. Perkara ini berlaku disebabkan matlamat masyarakatnya hanya berkisar dalam lingkungan matlamat yang sempit, tidak melewati lingkungan syahwat perut dan keinginan seks.

---

<sup>35</sup> Al Quran banyak menjelaskan ciri-ciri jiwa yang tiada iman dengan mengemukakan ciri-ciri yang menggambarkan keburukan. Antaranya Surah Ibrahim, ayat 34, Surah al Adiyat, ayat 6, Surah al Alaq, ayat 6-7, Surah al Ma'arij, ayat 19-21, al Furqan, ayat 41, al Soffat, ayat 36 dan banyak lagi.

Berdasarkan penjelasan di atas, turut dapat disimpulkan kriteria mereka yang dikuasai iaitu antara lainnya ialah segala perkara yang bersifat kriteria sebaliknya kepada kriteria mereka yang menguasai seperti tersebut di atas. Perkara ini boleh dilihat menerusi teori-teori perkembangan tamadun yang dikemukakan oleh beberapa sarjana seperti Ibnu Khaldun (1978: 61-70), dan Arnold Toynbee (°Abd al-Ghanī °Abūd, 1981: 49) yang memberikan kesimpulan yang hampir sama terhadap kebangkitan dan kejatuhan sesebuah masyarakat dan tamadun manusia, iaitu kebangkitan digerakkan oleh penghayatan nilai-nilai positif manakala kejatuhan digerakkan oleh nilai-nilai negatif di kalangan manusia itu sendiri.

## **5.0. IKTIBAR DALAM MENGHADAPI PENJAJAHAN BENTUK BAHARU**

Penjajahan bentuk baharu yang sedang berlaku pada hari ini adalah merujuk kepada penjajahan yang dilakukan dengan menggunakan pendekatan selain ketenteraan. Antaranya adalah penjajahan menerusi perdagangan, serangan pemikiran menerusi media, budaya dan sebagainya. Ia semakin ketara selepas timbulnya era globalisasi yang menyaksikan seluruh dunia seolah-olah tiada sempadan dan tembok penghalang daripada dimasuki maklumat daripada dunia luar. Dalam masa yang sama juga ia menyaksikan tiadanya penghalang yang dapat menghalang dunia luar daripada menguasai maklumat negara tertentu. (Mohd. Noor, 2007)

Realiti yang berlaku dalam dunia hari ini menunjukkan bahawa kebanyakan dunia Islam berada dalam posisi dikuasai menerusi penjajahan bentuk baharu ini. Ia secara tidak langsung menunjukkan bahawa umat Islam masih berada jauh daripada ciri-ciri penguasa yang sebenar sepertimana ditunjukkan al Quran. Dalam masa yang sama ia menggambarkan cabaran besar yang perlu dihadapi oleh umat Islam iaitu cabaran untuk menjadi manusia yang menepati ciri-ciri mereka yang diberikan kekuasaan mengikut celupan Allah. Berhubung perkara ini, penulis melihat inilah merupakan cabaran yang paling besar dihadapi oleh umat Islam setelah sekian lama berada dalam posisi dikuasai. Sebagai contohnya negara Malaysia sendiri telah lama berada dalam belenggu penjajahan berbentuk penguasaan negara ke atas negara secara fizikal dan selepas merdeka, kita dikuasai pula dalam bentuk penjajahan bentuk baharu. Sekiranya umat Islam tidak keluar daripada keadaan dikuasai ini maka agak sukar untuk mereka menjadi umat yang menguasai sepertimana dijelaskan dalam al-Quran.

Sehubungan itu, antara iktibar yang boleh diambil daripada kriteria mereka yang menguasai dan dikuasai ini dalam menghadapi penjajahan bentuk baharu adalah pertamanya umat Islam mestilah mengelakkan diri daripada dikuasai oleh aspek-aspek yang membawa kepada larinya mereka daripada panduan yang telah diberikan Allah dalam menjalani kehidupan di dunia. Membiarkan diri dalam keadaan dikuasai aspek-aspek ini merupakan titik-tolak kepada dibelenggu dengan penjajahan bentuk baharu. Untuk itu, kepada pemerintah, mereka perlu memastikan Islam dijadikan panduan dan asas utama dalam mentadbir dan mengurus negara, manakala kepada rakyat umum perlu memastikan cara hidup Islam dijadikan panduan utama kehidupan. Keduanya, umat Islam perlu mengenali ciri-ciri golongan yang ingin menguasai umat Islam sepertimana telah ditunjukkan al Quran menerusi deretan nas berkenaan *sunnah al tadafu'*. Umat Islam perlu menyedari bahawa sedikit kesilapan dengan memberi ruang kepada golongan yang sememangnya sentiasa mencari peluang untuk menguasai umat Islam ini akan memberi implikasi umat Islam dikuasai dengan mudah oleh musuh Islam. Dalam realiti hari ini, golongan ini berada dalam posisi menguasai dalam aspek penjajahan bentuk baharu. Ia boleh dilihat menerusi kekuatan ekonomi dunia yang dikuasai oleh banyak negara yang terkenal dengan permusuhan terhadap Islam bahkan kebanyakan mereka juga merupakan bekas penjajah yang sama kepada dunia Islam sebelum ini. Golongan ini juga merupakan pencatur kepada media dan teknologi baru dalam dunia hari ini. Sebaliknya umat Islam, majoritinya merupakan khalayak pengguna produk dan teknologi golongan tersebut. Keadaan seperti ini secara tidak langsung mendedahkan dunia Islam kepada manipulasi penjajahan bentuk baharu. Ketiga, bagi membina kekuatan sebagai golongan yang menguasai dan terselamat daripada dikuasai, umat Islam perlu memastikan kesemua kriteria manusia yang menguasai dihayati dan kriteria sebaliknya dihindari. Antara lain, mereka yang memenuhi kriteria ini seperti digambarkan al-Quran, kebiasaannya bermula dalam keadaan yang lemah terutama dari sudut pencapaian aspek kebendaan tetapi ia sedikit demi sedikit bergerak ke arah kekuatan. Kekuatan ini lahir daripada kekuatan diri mereka sendiri hasil daripada bersandar kepada suatu yang kukuh iaitu agama Allah. Berhubung perkara ini, umat Islam tidak perlu terpedaya kepada kekuatan golongan yang berada dalam posisi cuba menguasai mereka dengan meninggalkan panduan yang ditunjukkan oleh Islam dan beralih kepada cara dan gaya hidup golongan tersebut. Ini adalah disebabkan segala pencapaian mereka itu sememangnya adalah hasil usaha mereka yang gigih tetapi dalam masa yang sama ia berteraskan kepada teras yang rapuh dan tidak mampu memandu mereka untuk menjadi golongan penguasa yang dapat menjadi penjamin kepada keselamatan manusia dan alam secara umum. Perkara ini boleh dilihat menerusi pelbagai kisah berkenaan umat Islam yang

pernah mencapai pencapaian kebendaan yang tinggi tetapi apabila mereka tidak menjadikan panduan Allah sebagai panduan hidup, akhirnya kejayaan itu semua hancur, dan biasanya ia hancur ketika mereka berada di kemuncak kehebatan dalam pencapaian kebendaan.

## **6.0.KESIMPULAN**

Kesimpulannya, dilihat bahawa umat Islam masih agak jauh daripada kriteria mereka yang menguasai dan dalam masa yang sama pihak musuh Islam sedang berada dalam keadaan menguasai walaupun hakikatnya mereka tidak memenuhi kriteria golongan yang menguasai menurut al Quran. Perkara ini merupakan sebahagian daripada *sunnah al-tadafu'* yang masih terus berlaku selagimana terdapat kehidupan di dunia ini. Walaupun begitu, hakikatnya, jauhnya umat Islam daripada menjadi umat yang menguasai adalah antara lainnya disebabkan mereka membiarkan diri dikuasai dengan aspek-aspek yang melemahkan mereka. Aspek-aspek ini sangat besar pengaruhnya terhadap sahsiah umat Islam dan ia mudah menyelinap dalam diri umat Islam terutama dalam era penjajahan bentuk baharu yang menawarkan agenda dunia tanpa sempadan.

Sehubungan itu, perkara yang perlu dilakukan umat Islam, khususnya di Malaysia adalah kembali kepada al Quran dan menghayati panduan yang telah ditunjukkan Allah. Insya Allah umat Islam akan kembali mengungguli anugerah kekuasaan yang dijanjikan Allah kepada mereka yang menepati kriteria yang telah diterangkan menerusi wahyuNya.

## RUJUKAN

- (\_\_\_ (1987), *Tanwir al Miqbas min Tafsir Ibni Abbas*, Lubnan: Dār al-Kutub al Ilmiyyah.
- \_\_\_\_\_ (1989), *al-Qurān Dan Terjemahannya*, Edisi Baru, Semarang: Percetakan CV. Toha Putra.
- Ahmad Ilyas Husein (t.th.), *Nahwu Maḥmū Islāmī li ʿIlmi al-Tārīkh*, Kuala Lumpur: Matbaʿah al-Jāmiʿah al-Islāmiyyah al-ʿAlamiyyah bi Mālizia.
- al Khalidi, Dr. solah Abdul Fattah (1996), *Ma'a Qasas al Sabiqin Fi al-Qurān. (Min Kunuz al-Qurān 5)*, c. 2, Damsyik: Dār al-Qalam.
- al Sakmi, Muhammad Somil al Ilyani (1986) *Manhaj Kitabat al Tarikh al Islami, c. 1, Riyadh: Dar Tibah.*
- Al-Ghazali, Muhammad (1981), *Turathuna al fikri Fi Mizan al syar'ie Wa al Ilmi*, c. 2, Virginia: Al Ma'had al Alami Li al Fikri al Islami.
- al-Khalīl, Dr. ʿImad al-Dīn (1991), *al-Tafsir al-Islāmī Li al-Tārīkh*, c. 5, Beirut: Dār Li al-Malayin.
- al-Qurtūbī, Abū ʿAbdullah Ibn Mūhammad Ahmad al-Anṣārī, (1987) *al-Jamīʿ Li Ahkām al-Qurān*, Mesir: al-Hai'ah al-Maṣriyyah al-ʿAmmah Li al-Kitāb.
- al-Rāzi, al-Imām Fakhru al-Dīn (544-603H). 1990. *al-Tafsīr al-Kabīr au Mafātih al-Ghaib*, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Ṣallābī, Dr. ʿAli Muhammad (2005) *Fiqh al-Nasr wā al-Tamkīn Fī al-Qurān: Anwāʿuhū, Syurūtuhū, wa Asbābuhū, Marāhiluhū wa Ahdāfuhū*, c. 2, Beirut: Dār al-Maʿrifah.
- Dr. ʿImad al-din al Khalil (1984), *Madkhal Ila Mauqif al-Qurān al Karīm min al Ilmi*, Beirut: Mu'assah al Risalah.
- Dr. Ahmad Kanʿan, (1990), *Azmatunā al-Ḥaḍārīah Fī Ḍhau' Sunnatillah fī al-Khalq*, t.tp.: Dār al-Nafā'is.
- Dr. ʿAbd al-Ghanī ʿAbūd (1981) *al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah wa al-Ḥaḍārah al-Muʿaṣīrah: Silsilah al-Islam Fī Tahaddiyat al-ʿAṣri*, kitāb ke 12, c. 1, t.tpt.: Dār al-Fikri al-Arabī.
- Ibnu Kathir (1991), *Tafsir al-Qurān al Adzim*, c. 2, Damsyik: Dār al-Khair.
- Ibnu Khaldūn (1978), *al-Mukhtār Min al-Turāth al-ʿArabī: Min Muqaddimah Ibni Khaldūn: al-Siyāsah wa al-Iqtisād*, Suhail Uthman & Muhammad Darwish (Tahqīq), Damshik: Manshurah Wizārat al-Thaqāfah wā al-Irsyād al-Qaumī, Damshik
- Mohd. Noor Bin Omar (2007), *Penjajahan Bentuk Baru*, Dalam Berita Harian, 29-5-2007.
- Muhamad Haishūr, (1997), *Sunan al-Qurān Fī Qiyam al-Hadhārat wa Suqutihā*, c. 1. Mansūrah: Dar al-Wafā'.
- Mūhammad Fuad al-Baqī (1987), *Al Mu'jam al Mufahras Li alfadz al-Qurān al Karīm*. Mesir: Dār al Hadīth.
- Said Qutb (1992), *Fi Zilal al-Qurān*, c. 17, Qahirah: Dar al-Syuruq.
- Zaidān, Dr. Abd al-Karīm (1994), *al-Sunan al-Ilāhiyyah Fī al-Umam wa al-Jamāʿat wa al-Afrād Fī al-Ṣyarīʿah al-Islāmiyyah*, c. 3, Beirut: Mu'assasah al-Risālah.